

"Kejayaan pada hari esok adalah melibatkan dari mana kita bermula pada hari ini. Oleh itu, jangan takut untuk gagal kerana kegagalan itu adalah permulaan sebuah kejayaan." - Dato' Sri Rohani.

PEMBANGUNAN SEJAGAT

Peluang bersama maka bersama pemimpin wanita tertinggi negara ini merupakan satu penghargaan besar buat penulis. Kesempatan bertemuamah dan mendekati Dato' Sri Rohani di pejabatnya di tingkat 38, Precinct 4, Putrajaya memberi pengalaman tidak ternilai. Lebih-lebih lagi kepada penulis yang begitu mengagumi wanita berjaya kental ini. Saat melangkah masuk ke ruang pejabat Menteri sambil ditemani pegawai Kementerian dan Jurukamesia, Halm Wanit, kuhatan Dato' Sri Rohani tentu menunggu kedatangan kami petang itu dalam persalinan kurang marah jerbu dengan serjaman yang mengartum di bibi.

Pejabat yang terletak di aras tertinggi bangunan ini menyajikan sebuah pemandangan yang cukup indah untuk dirikmati. Pemandu jendela pejabat ini menjadi pemandangan Dato' Sri Rohani untuk meredakan minda selain memperoleh sesuatu ilham. Beberapa buah pingat dan cendera-sati yang diterima turut memenuhi ruang perhiasan pejabat.

Sebagai peneraju utama pembangunan kaum wanita dan masyarakat di Malaysia, Dato' Sri Rohani perlu fokus dan menjadi penantara yang baik kepada masyarakat dan kerajaan. Bagi memastikan kualiti kehidupan rakyat terjamin dan diberikan hak sewajarnya, penarikan berjumlah RM2.207 bilion diberikan untuk tujuan itu pada pembentangan Bajet 2015 yang diumumkan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak pada 30 Oktober lalu.

Persoalan pertama yang diajukan kepada beliau petang itu sudah pastinya berkisar tentang pembentangan Bajet 2015 berbunyi usaha untuk memartabatkan wanita. "Kita muktak, tidak semua yang kita pohon akan dapat. Sejurus selepas bajet diumumkan, kita adakan aktiviti untuk risedio dan sesuaikan dengan bajet yang diberikan. Dajudja bajet itu, RM2026 juta digunakan untuk pembangunan pembaikan kuarters kakitangan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Manakala 2 per tiga daripada peruntukan 1.7 bilion diberikan untuk menaja kebajikan masyarakat.

Di samping itu, sebanyak RM29 juta disediakan bagi program pembangunan ekonomi dan kewahawanan wanita meliputi Program Inkubator Kemahiran Ibu Tanggah (I-KIT) dan Inkubator Kewahawanan Wanita (I-KEKW) dan Program Teras Pembangunan Wanita. Menerusi program ini latihan kemahiran seperti bidang makanan, kerajinan, pelancongan, aualan karakakanak, penguasaan teknologi dan jhtan diberikan kepada yang berminat."

Mahu visi dan misi yang ditetapkan sampai kepada tegesap lapisan masyarakat, Dato' Sri Rohani cukup membara kesinambungan program yang telah dijalankan ke satu tahap yang lebih tinggi. "Kementerian ini juga akan meneruskan program-program yang masih relevan, revitalisasi undang-undang berkaitan wanita dan mempertahankan hak mereka. Misalnya dengan mengemukakan kempen anti keganasan terhadap wanita, memastikan wanita memperoleh financial independent dan anak-anak gadis mempunyai asas penekolahan serta diberikan 12 tahun pendidikan secara percuma. Kami bantu masyarakat berpendapatan rendah menjalani kehidupan sempurna dengan memperkasa mereka dengan bantuan latihan, pendidikan dan menambah keyakinan mereka untuk berjaya."

TERAPI DIRI

Bakal menginjak usia 60 tahun, Janusi depan Dato' Sri Rohani bukan sahaja ditakikan sebagai seorang wanita yang gijh bekerja malah cukup petang orangnya. Jina keluan beliau nyata telerah saat berdiskusi bersama kakitangan Kementerian. Bahkan, setiap bute bicara yang dikontakan begitu teratur dan penuh dengan ketegasan. Menyelinap masuk sisi kehidupan peribadi pemimpin wanita ini membuatkan penulis kagum dengan ketahanan mental dan fizikal beliau.

Mungkin ramai yang menasukan hidup sebagai seorang pemimpin dipuati dengan kesenangan dan kemewahan hidup. Namun realitinya tidak seperti yang dibayangkan. Kajibukan mengijh agenda pembangunan masyarakat dan wanita memerlukan Dato' Sri Rohani tidak punya cukup waktu untuk diri sendiri mahupun keluarga. Berpun sering sibuk dan mengabdikan diri untuk membantu tegesap lapisan masyarakat yang memerlukan khidmatnya, Dato' Sri Rohani akan memastikan ikutan saluarahin di kalangan ahli keluarga sentosa bertuk.

"Masa saya sangat terhad. Gajet moden seperti telefon dan aplikasi WhatsApp menjadi penghubung antara saya dan anak-anak. Ini antara cara kami keep in touch. Saya juga akan pastikan agar dapat catch up dengan anak-anak at least one meal a day bersama-sama. Macam mana sibuk sekalipun, priority tetap kepada keluarga. Berpun ada weekend yang saya tidak mahu anak-anak rasakan saya melakukan mereka. Paling penting, mesti berjumpa once a month," ujar persona yang sudah pun bergelar nerek kepada 2 orang cunsi.

Ditanya bagaimana nak beliau memajukan diri setelah bertungkus-kumus di pejabat, Dato' Sri Rohani mengaku meluangkan masa bersama keluarga adalah terajunya setelah penat bekerja. "Indulgence untuk pergi ke spa lekatikan dan berusut memang jarang sekali. Sekali sebulan pun susah untuk saya pergi ke sana. Bukan sahaja tiada masa, saya juga tidak begitu gemar ke pusat lekatikan sebab saya rasa apabila pergi ke sana, baik dari spa tersebut saya akan berasa pusing. Pusing kerana di dalam kepala iget memikirkan hal-hal pejabat yang belum ditamatkan.

Jadi, untuk meredakan diri dan minda saya lebih suka pergi menonton cerita kartun bersama anak-anak dan cucu di jawagan. Sekali-sekala dapat tengok kartun sambil menikmati pop corn seronok juga. Terubalah sedikit ketidihan. Pernah juga saya tertarik sewaktu menonton cerita kartun di jawagan. Terlaku penat barangkal," ceritanya sambil tertawa.

Selain tidak gemar menonton cerita-cerita aksi kerana boleh mengganggu emosinya, Dato' Sri Rohani turut meliahkan rasa terajunya untuk mengikuti percutian bersama keluarga tersayang. "Dengan jadual kerja yang padat, bukan mudah untuk saya pergi berenti bersama mereka. Kalau ada masa atau ruti yang panjang, saya pasti akan pergi melancong bersama-sama. Tapi semua itu kena dirancang betul-betul."

Tidak mahu ketertinggalan dalam kemajuan teknologi masa kini, Dato' Sri Rohani tidak terkecuali daripada menggunakan kemudahan internet sebaik-baiknya. Di samping menjadikan medan media sosial seperti Instagram dan Facebook untuk berinteraksi bersama anak-anak dan keluarga, Dato' Sri Rohani juga dikategorikan sebagai seorang yang mesra IT dan mengonsumsikan laman sosial ini setiap hari. Dengan cara ini beliau dapat menguar-larikan kepada pengikut dan masyarakat mengenai aktiviti-aktiviti yang diadakan Kementerian selain mendekatkan diri dengan orang ramai.

SEMANGAT BUAT WANITA

Tahun 2014 bakal melabuhkan trail. Sempena kedatangan tahun baru 2015 yang bakal tiba, petinya pelbagai usaha dilakukan bagi menyemarakkan semangat wanita untuk turut berjaya menjana ekonomi negara di samping meningkatkan taraf hidup. Membuka lembaran baru menaja tahun 2015, Dato' Sri Rohani mengharapkan golongan wanita lebih produktif dan merisut peluang yang diberikan dengan penuh semangat.

Gembira dengan pertambahan pembatiran wanita dalam pelbagai sektor pekerjaan, Dato' Sri Rohani turut menasihati wanita khususnya yang berkeluarga agar bijak menguruskan masa. "Tidak dinafikan wanita yang bekerja dan berkeluarga berpotensi mengialni masalah kesihatan atau bebanan tugas yang dipikul.

Antaru, pembahagian masa antara kerjaya, kesihatan dengan keluarga harus dilakukan supaya masalah ini tidak timbul. Pengambilan makanan yang seimbang juga perlu bagi memastikan kesihatan mereka tidak terjejas. Kementerian ini turut menyediakan kaunselor yang bersedia bagi membantu pegawai Kementerian yang ingin berkongsi masalah sama ada mengenai kerjaya mahupun keluarga."

Mengiktik wanita sebagai komponen penting dalam sumber modal insan, Dato' Sri Rohani menyeru para wanita yang ingin berjaya agar memiliki wawasan jelas, berkesapayan merealisasikan wawasan tersebut dan berprestasi tinggi. "Sesialah harapan saya agar semua kaum wanita hari ini dapat mengambil peluang-peluang yang disediakan oleh pihak kerajaan khususnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam meningkatkan ekonomi negara.

Untuk berjaya, kita wahananya berani melangkah demi mengejar cita-cita. Diharapkan agar wanita di luar sana dapat bergiat aktif dalam aktiviti sosial seperti persatuan, kemasyarakatan dan ukertiawan untuk mendura jalinan perniagaan dan menyatukan golongan wanita. Wanita juga perlu berani memrosbul pelbagai bidang baru dengan kemahiran yang mantap."

Selain ituan yang ditonjolkan oleh para wanita, golongan suami juga berpenanan penting bagi menjayakan impian ini. Misalnya dengan memberi sokongan kepada wanita terutama para isteri untuk memebarkan diri menyumbang tenaga dalam pembangunan ekonomi keluarga dan negara. Pesan Dato' Sri Rohani kepada seluruh wanita, "Kejayaan pada hari esok adalah melihat dari mana kita bermula pada hari ini. Oleh itu, jangan takut untuk gagal kerana kegagalan itu adalah permulaan sebuah kejayaan." ■



DATO' SRI ROHANI ABDULKARIM

Martabat Srikandi

BERJALAN: SARJANA MUDA DAUD FIDI; BILIKUNYAH: ULIANA; SUE HONG JARREN

Kredibiliti yang ada pada Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini pastinya memberi inspirasi kepada wanita di luar sana. Berjelas seorang isteri, ibu dan pemimpin bagi seluruh wanita di Malaysia bukanlah satu tugas yang mudah untuk dilaksanakan. Namun demi kesejahteraan wanita dan masyarakat, Dato' Sri Rohani Abdul Karim bangkit meneruskan sebuah perjuangan yang tiada bertukar.

Dilahirkan pada 3 Januari 1955 di Semenggoh yang kini dikenali sebagai Seri Aman, Sarawak, Dato' Sri Rohani juga merupakan Ahli Parlimen Batang Lupar. Skop kepimpinan yang ada dalam diri wanita ini terbit sejak beliau memegang jawatan sebagai Pengarah Biro Wanita Sarawak Kementerian Pembangunan Sosial selama 2 tahun lalu pada sekitar tahun 1988 sehingga 1990. Keperayaan yang diberikan kepadanya ketika itu menjadikannya Dato' Sri Rohani wanita Sarawak pertama yang menggalas tugas penting tersebut.

Bergelung dengan pelbagai kisah dan permasalahannya yang dialami kaum wanita ketika itu membuatkan ibu kepada tiga orang anak ini komited membawa golongan wanita memperoleh taraf kesihatan, kewangan dan pendidikan ke arah yang lebih baik. Berkat azam yang kuat untuk memartabatkan kaum wanita, Dato' Sri Rohani berjanji anak menanggung tidak politik dan bertanding dalam pilihan raya umum tahun 1990 buat pertama kali di Parlimen Santubong. Niat murni untuk membantu golongan wanita mendapat sokongan rasmi hinggalah beliau berjaya memenangi kerusi Parlimen Santubong selama tiga penggal sebelum berpindah ke Parlimen Batang Lupar pada pilihan raya 2004.

"Saya memulakan kerjaya sebagai guru sementara di SMK Kuching. Dalam masa sama, saya menjadi tutor sambilan di kampus UPM Semenggoh, Sarawak. Sekitar tahun 1980 hingga 1986, saya pernah berkhidmat sebagai Penganalisis Pengurusan di MAMPU Sarawak dan menjadi Ani Donor Perikanan di Kementerian Pertanian selama dua tahun sejak 1986 sebelum dilantik sebagai Pengarah Biro Wanita Sarawak Kementerian Pembangunan Sosial," jelas pemegang Jazah Sarjana Muda Sains dan Perniagaan Tani, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Ohio, Amerika Syarikat ini.



Bicara Tokoh



mudah dibayar, anak-anak ini sudah tentu akan baik mereka.

Kami bakal meminda Seksyen 93 Akta Kanak-Kanak dan akta baru akan digubal dengan memberi tawaran kepada ibu bapa yang tidak membolehkan, ia sebenarnya bukan sahaja untuk kebaikan anak-anak, tetapi juga sebagai ke arah sebuah negara maju yang melibatkan kepentingan kepada golongan ini.

Pandang Seroi Kes Keganasan Wanita

MW: Apakah tindakan KPWK dalam mengawal kerisauan ibu bapa yang terpaksa mengantar anak ke sekolah lanjutan berikutan kes kematian, penderaan dan pengalihan?

DATO' SRI ROHANI: KPWK memang sedang berurusan dengan kes-kes keganasan yang berlaku kepada kanak-kanak. Syukur KPWK kepada mereka yang telah mengemukakan laporan kepada KPWK. Kita akan melakukan lawatan berkala semasa kali ini. Bagaimana saya menyasarkan agar ibu bapa memaikan peranan seperti kerap melakukan 'spot check'. Itu adalah langkah yang lebih baik jika kita mahu.

Jika mendapat maklumat berkenaan gagal memenuhi peraturan yang telah ditetapkan, ibu bapa boleh menghubungi KPWK untuk melaporkan tindakan pengawal bagi membolehkan penderaan diabaikan. Ini kerana terdapat peraturan mengikut

Seksyen 21 (1) (a) Akta Kanak-Kanak 2001. Namun ada juga kes penderaan atau pengalihan yang tidak dilaporkan kerana keengganan ibu bapa walaupun telah dirisaukan atau dikenal berisiko.

Pekerja yang sama juga telah dibicarakan oleh jenitang jika mendapati ibu bapa yang mengabaikan tanggungjawab kepada anak seperti yang berlaku kepada adik Habsah Dullah. Kami berpendapat hukuman yang dikenakan kepada ibu bapa wajar dan berkesan menjadi pengajaran kepada masyarakat khususnya ibu bapa bahawa anak adalah amanah Allah yang tidak boleh dabaikan.

MW: Menyentuh mengenai wanita terutama para isteri, masih ada golongan isteri yang dizalimi tetapi takut menyuarakan hak mereka. Bagaimana KPWK boleh memainkan peranan ini agar nasib mereka terbalak?

DATO' SRI ROHANI: Kumpulan amali prihatin dengan kes-kes keganasan yang berlaku ke atas wanita. Untuk makluman, Malaysia merupakan negara yang berprestasi kepada Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita. Maka menjadi komitmen Kementerian ini untuk memastikan keadilan kepada wanita dipelihara dengan penuh perhatian di peringkat antarabangsa.

Bagi menjamin keadilan dan kesetiaan wanita, beberapa tindakan ke atas akta akta yang berkaitan seperti Akta Rancangan Rumah Terpadu, Akta KOTI baru memastikan takrifan keganasan rumah tangga dengan memasukkan aspek penderaan psikologi dan kecewaan emosi sebagai salah satu bentuk keganasan yang sebelum ini hanya mengambil kira aspek penderaan berbentuk fizikal dan seksual.

Tahun ini Kementerian mengagihkan Kempen 90 Hari Mengawal Keganasan Terhadap Wanita Bersempena Hari Antarabangsa Mengawal Keganasan Terhadap Wanita yang diadakan pada setiap 25 November setiap tahun. Kempen ini dijalankan bertujuan untuk memulau kesedaran kepada masyarakat supaya sentiasa sayings, menghormati dan menghororati wanita.

MW: Kebalakangan ini juga buli begitu menjadi jadi di kalangan pelajar. Bagaimana aktiviti tidak bermoral ini dapat dicegah?

DATO' SRI ROHANI: Buli banyak wujud di kalangan pelajar yang merantau di asrama. Saya percaya seperti buli ini berlaku kerana pengaruh teman yang

ditonton dan sebagainya. Masalah tidak mudah jika ia bermula dari rumah. Anak-anak yang berada di sekolah sentiasa keci, ingatan yang sentiasa mengingatkan masa tempu dan lamanya sekolah amnya, melambatkan kepada rakan sekelas.

Akhirnya mungsu yang dapat kaum, begitu juga ibu bapa. Di sini saya mahu kembalikan ingatan ibu bapa agar mengambil berat anak-anak. Selalu bertanya khidmat, konsep mengajuk anak-anak dan berurusan dengan mereka.

MW: Melibatkan kepada timbulnya pelbagai masalah daripada pelbagai kelompok masyarakat, apakah cara terbaik?

DATO' SRI ROHANI: Membina keadilan pada akar umbi itu lebih baik untuk jangka masa panjang. Paling utama ialah pengukuhan ibu agama. Untuk itu, kami bekerjasama dengan JAKIM untuk memantapkan kembali budaya perkhidmatan. Bekal suami isteri juga perlu dibina dengan penguasaan kewangan yang baik kerana kegiatannya antara lain melakukan rumah tangga, malah juga penyumbang masalah sosial di kalangan masyarakat.

Dalam pada itu, melihat kepada 'berprestasi' ini, kaumnya perlu ditemu. Saya sendiri yakin dengan keupayaan kita kaumnya dan ini adalah jaminan kerana saya harap kali menggunakan pendidikan ini dalam setiap masalah kerana ia amat membantu. Bagaimana pun kami amat memartabatkan kualiti dan profesionalisme kaumnya itu kerana kekadang mereka bukan sekadar mendengar tetapi juga memberi bimbingan. Atas sektor ini juga Lembaga Kaumad Malaysia perlu lebih agresif agar mendapat tempat di kalangan masyarakat. **MW**

Tindakan proaktif tangani isu wanita

Oleh SYAHIDI BAKAR

PELBAGAI inisiatif dan tindakan proaktif diambil Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) selaras dengan hasratnya untuk memperkasakan peranan dan kebajikan golongan wanita di Malaysia.

Menyadari pelbagai cabaran yang perlu dihadapi, beberapa penanda aras telah diberikan pelaksanaan seiring dengan objektif untuk memelihara dan menjaga kebajikan kaum wanita yang menjadi antara penggerak utama ke arah memacu Malaysia mencapai negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata, antara inisiatif yang ditetapkan adalah merealisasikan dasar sekurang-kurangnya 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat menjelang tahun 2020 menjadi bukti bahawa kerajaan mengiktiraf peranan wanita sebagai penyumbang penting dalam proses pembangunan dan kesejahteraan negara.

Beliau berkata, penggabungan dasar tersebut juga bertujuan memastikan lekaparan, daya saing serta kepimpinan wanita dapat dioptimumkan selaku gus menjurus kepada kepelbagaian dan perangkutan sektor korporat.

"Selain penetapan dasar tersebut, penubuhan 'Kelab 30%' juga dilhat menjadi faktor penting menggalak dan mendorong lebih ramai wanita terlibat pada peringkat membuat keputusan kerana pelaksanaan bakal menjadi panduan penting bagi sektor korporat untuk melaksanakan sasaran kerajaan.

"Di samping itu, fungsi dan peranan KPWK turut diperluas melalui agensinya seperti Institut Kemajuan Masyarakat (IKM) yang terlibat secara langsung sebagai kaunselor selepas belakunya tragedi Malaysia Airlines MH370 dan MH17.

"Penglibatan pegawai IKM dalam mendedahkan khidmat sokongan psikososial dan intervensi krisis terhadap wargi mangsa bagi kedua-dua pesawat tersebut sebanyak mampu meredakan kesedihan yang dialami," katanya ketika sesi temu bual khas dengan media di Ban-



ROHANI ABDUL KARIM mengadakan perbincangan bersama-sama para pegawainya bagi mendengar setiap permasalahan yang dihadapi rakyat dan mengambil tindakan segera untuk menanganinya.

junan KPWK, Putrajaya.

Menurut Rohani, peristiwa tersebut juga menjadikan peranan kaunselor dalam menangani isu jasad tragedi amat diperlukan khususnya bagi memberi khidmat kaunseling susulan dari semasa ke semasa kepada ahli keluarga mangsa yang terlibat.

Tujuan khidmat kaunseling susulan katanya, adalah memantau perkembangan psikologi yang positif dalam diri ahli keluarga selain memberi perhatian sekiranya berlaku kesan trauma yang berpanjangan.

"IKM juga turut memberi perhatian kepada keperluan serta membantu mengenal pasti sistem melalui agensinya seperti Institut Kemajuan Masyarakat (IKM) yang terlibat secara langsung sebagai kaunselor selepas belakunya tragedi Malaysia Airlines MH370 dan MH17.

"Bagi nasden MH370, sokongan psikologi kepada ahli keluarga masih diteruskan mengikut keperluan dan rujukan daripada pihak berkaitan seperti MAM, Jawatankuasa NOKS dan sebagainya," katanya sambil menambah, selain daripada sokongan psikologi, KPWK melalui IKM turut terlibat dalam menguruskan keperluan dan kebajikan keluarga serta Majlis Peng-

info

Statistik kes pengabaian / penderaan kanak-kanak yang dilaporkan

DI	TAHUN	BILANGAN KES
1	2012	3,831
2	2013	4,729
3	2014 (Januari - Ogos)	2,454

* Sumber: PDRM

hormatan dan pengurusan jenazah. Sementara itu, hasil tindakan agresif KPWK bersama-sama agensi pemuliharaan lain menyaksikan laporan kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak bagi sepanjang tahun 2014 telah meranjatkan aliran yang menurun kepada 2,454 kes berbanding 4,119 (2013) dan 3,831 kes tahun sebelumnya.

Penurunan tersebut kata Rohani, sedikit sebanyak mempengaruhi kewangupan dan ketepatan KPWK dalam menangani isu berkaitan kanak-kanak berjangka mewujudkan kesedaran dalam

kalangan masyarakat untuk bersama-sama menanganinya.

Katanya, kes pengabaian Muhammad Firdaus Dulla, kanak-kanak OKU yang dibiarkan sendirian menyaksikan ibunya dijatuhkan bakuman pekerja empat bulan dan denda RM10,000 oleh Mahkamah Sesyen atas tuduhan mengahbi serta membarikan anaknya tanpa pengawasaan, disabitkan mengikut Seksyen 310(1) Akta Kanak-Kanak 2001 dan Seksyen 310(1) akta yang sama.

Mengenai program bantuan IAZAM kepada golongan yang layak, Rohani berkata, sehingga bulan Mei



Memandangkan impaknya amat baik, maka Program Beyond IAZAM dijalankan pada tahun 2015 bagi memastikan keberlangsungan Program IAZAM yang menfokus kepada peserta yang telah berjaya dalam program sebelum ini

ROHANI ABDUL KARIM Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

2014, seramai 140,976 golongan miskin dan miskin tegar di seluruh negara mendapat manfaat melalui program itu.

Daripada jumlah tersebut katanya, seramai 95,172 berjaya meningkatkan pendapatan sekurang-kurangnya RM300 selama tiga bulan berturut-turut.

"Memandangkan impaknya amat baik, maka Program Beyond IAZAM dijalankan pada tahun 2015 bagi memastikan keberlangsungan Program IAZAM yang menfokus kepada peserta yang telah berjaya dalam program sebelum ini.

"Program ini memberi pendedahan tentang kejayaan yang dilakar oleh penerima bantuan IAZAM dan berjaya keluar daripada kepompong kemiskinan. Ini merupakan satu lagi komitmen Kementerian bagi memastikan bantuan sampai kepada kumpulan sasaran dan dimanfaatkan mereka hingga berjaya mengubah nasib sendiri," katanya.

Menurut Rohani lagi, selain peranan di peringkat domestik, KPWK turut terlibat dalam konvensyen peringkat antarabangsa membuka peluang kepadanya untuk membawa mesej berkaitan wanita, keluarga dan masyarakat seterusnya berkolaborasi idea serta

pengalaman untuk menjayakannya di Malaysia.

Penglibatan langsung itu katanya memberi banyak faedah bagi Malaysia antaranya memfiksasikan konvensyen antarabangsa mengenai hak asasi manusia yang kini menjadi antara isu dan kriteria utama di peringkat global.

Dalam pada itu, Lembaga Penduduk dan Pembangunan-Keluarga Negara (LPPKN) yang juga salah sebuah agensi KPWK turut memainkan peranan aktif dalam usaha mempromosikan lagi institusi kekeluargaan.

Sehingga akhir tahun 2014, tiga program utama telah diantar dan divedalkan oleh LPPKN meliputi pelbagai program kemahiran dan kebolehpasaran dan kesihatan reproduktif seperti SMARTSTART yang menyaksikan sebanyak 22 kursus telah diantar sepanjang tahun 2014 yang menyaksikan seramai 1,155 peserta telah mengambil bahagian.

Selain itu, Program SMARTTELANIA pula menyaksikan sebanyak 41 kursus telah divedalkan melibatkan 2,056 bilangan peserta manakala Program POKERTI meliputi 342 kursus diadakan dengan bilangan peserta terlibat seramai 115,288 orang.

Sementara itu, melalui Strategi Lantun Biru Kebangsaan (NBOS), pihak KPWK turut berperanan melaksanakan pelbagai inisiatif berkaitannya seperti Malaysia Komuniti PERWANI yang menyaksikan terdapat 10,269 kumpulan ditubuh melibatkan anggota seramai 154,734 orang di seluruh negara.

Bagi Program HomeHelp (Malaysian Family Care) di bawah NBOS 7, berteraskan perkhidmatan kesihatan dan sosial secara menyelaraskan melibatkan kerjasama pelbagai pihak bertujuan mengoptimalkan manfaat kepada golongan sasaran yang memerlukan terutama warga emas dan ibu tunggal.

Pada peserta program ini telah menjelajah ke seluruh negara bermula di Pahang pada bulan April 2014 dan berakhir di Batang Lupat, Sarawak pada 29 Mei 2014 yang menyaksikan sebanyak 200 buah rumah melibatkan seramai 131 warga emas dan 69 golongan OKU serta berjaya mendaftarkan 59 sukarelawan IKM.

Transformasi seiring cabaran

PELAN transformasi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dirangka agar tindakan dan pelaksanaan yang dibuat seiring perubahan iklim ekonomi dunia dan kemajuan teknologi semasa yang pantas.

Perubahan dirangka juga bertujuan mengubah cara dan kawal pemikiran dan pendekatan menjalankan kerja yang diarahkan agar seiring perkembangan zaman, seterusnya memastikan visi KPWK sebagai pemaju utama pelaksanaan pender, pembangunan keluarga dan masyarakat penyayang dan sejahtera dicapai.

Menurut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim, bagi maksud tersebut, pihak KPWK telah menyediakan petan transformasi Negara yang bermatlamat menjadikan perkhidmatan awam berprestasi tinggi, berintegriti, dinamik dan berjiwa rakyat.

Beliau berkata, terdapat lima Teras Strategik di bawah Pelan Transformasi KPWK yang telah dirangka merangkumi pelbagai segmen seperti Mendaya Upaya Bakat (Teras Satu) dengan tujuan terhadap meningkatkan kompetensi, prestasi, produktiviti dan daya inovasi perjawat awam.

Selain itu katanya, Teras Kedua pula merangkumi Merakyasa Organisasi bermatlamat meningkatkan keupayaan dan memberi nafas baharu kepada organisasi, seterusnya mampu berperanan secara efisien dan holistik.

"Teras ketiga adalah Merakyatkan Penyampaian Perkhidmatan bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam; Merangkum dan Sepunya Dengan mathamannya memperluas jaringan kerja dan kolaborasi strategik dalam dan luar negara (Teras Empat) dan Teras



ANTARA program yang dibuat bagi mendukui golongan sasar dan memastikan pelaksanaannya merapati keharmonian akar umbi. Gambar: Hutan

Lima, Membudaya Nilai bagi membudayakan patriotisme nilai-nilai murni, etos dan integriti," katanya.

Menurut Rohani lagi, antara elemen penting dalam pelan tersebut adalah melihat semula fungsi dan peranan KPWK dan jabatan serta agensi bawahnya dengan mengambili kira pelbagai keperluan.

Keperluan yang dimaksudkan katanya, meliputi proses pembangunan kapasiti KPWK yang mana memerlukan pegawai dan kakitangan yang lebih profesional dan terlatih dan berkemahiran tinggi serta mewujudkan Subject Matter Experts dan succession planning di dalam bidang sosial bagi memastikan pelaksanaan setiap program atau aktiviti mampu sampai kepada golongan sasar di peringkat akar umbi.

info

TERDAPAT 5 TERAS STRATEGIK DI BAWAH PELAN TRANSFORMASI KPWK

- Mendaya Upaya Bakat**
Meningkatkan kompetensi, prestasi, produktiviti dan daya inovasi perjawat awam
- Merakyasa Organisasi**
Meningkatkan keupayaan dan memberi nafas baharu kepada organisasi
- Merakyatkan Penyampaian Perkhidmatan**
Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam
- Merangkum dan Sepunya Dengan**
Memperluas jaringan kerja dan kolaborasi strategik dalam dan luar negara
- Membudaya Nilai**
Membudayakan patriotisme nilai-nilai murni, etos dan integriti

